



NATIONAL
SAVINGS DAY

SIARAN AKHBAR BERSAMA

JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN NSD 2024 BAGI PELAJAR SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TUTONG

Pusat Tingkatan Enam Tutong

Khamis, 20 Zulhijjah 1445H bersamaan 27 Jun 2024M

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] dan Kementerian Pendidikan [MOE] telah bekerjasama untuk mengadakan Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2024 di Daerah Tutong pada hari Khamis, 20 Zulhijjah 1445H bersamaan 27 Jun 2024M.
2. Jerayawara yang diadakan di Pusat Tingkatan Enam Tutong ini telah menerima seramai lebih 390 pelajar dari Tahun 3 hingga Tahun 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama di seluruh Daerah Tutong.
3. Jerayawara ke-empat bagi sambutan NSD 2024 ini turut dijayakan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Cyber Security Brunei (CSB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), dan Baiduri Bank. Para peserta pameran memperkenalkan beberapa topik kewangan penting seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan, dan perlindungan pengguna kewangan melalui aktiviti-aktiviti interaktif.
4. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Berhormat Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong. Pegawai-pegawai kanan daripada MOE dan BDCB juga turut hadir untuk menyokong acara celik kewangan tersebut.
5. Jerayawara terakhir sempena Hari Menabung Kebangsaan 2024 yang disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di Tahun 3 hingga Tahun 5 ini akan diadakan di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong pada 3 Julai 2024. Satu Pesta Kewangan (*Financial Fun Fair*) juga akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2024 pada Ogos akan datang di Jerudong Park Playground. Acara ini akan mempamerkan pelbagai aktiviti dan program sesuai untuk seisi keluarga.
6. Untuk maklumat lanjut mengenai NSD 2024, sila layari www.bdcb.gov.bn dan ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 20 Zulhijjah 1445 / 27 Jun 2024
Rujukan: BDCB/COMMS/3

Nota kepada editor:

Mengenai Hari Menabung Kebangsaan (NSD)

NSD merupakan acara celik kewangan yang disambut setiap 28 Mei. Acara ini dijalankan di bawah naungan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), dan dikelolakan oleh BDCB.

Antara objektif-objektif utama NSD adalah untuk mempromosikan budaya menabung dan pengurusan kewangan dengan bijak, meningkatkan tahap celik kewangan dan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Jerayawara Kesedaran Kewangan bagi NSD 2024

Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena NSD 2024 bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan serta kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB, khususnya bagi pelajar Tahun 3 hingga 5.

Program jangkauan ini memastikan pelajar-pelajar dari keempat-empat daerah menerima pendedahan awal kepada kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang sesuai dengan usia mereka.

Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.